



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS), Dr Chin Zin Hing **menafikan** dakwaan bahawa oleh kerana tiada ujian saringan COVID-19 dilakukan di negeri Sarawak maka tiada kes baharu dikesan di negeri itu dalam tempoh enam hari berturut-turut. Pihaknya **menjelaskan** bahawa ujian saringan COVID-19 masih dijalankan seperti biasa walaupun jumlah kes positif di negeri itu mula menunjukkan *trend* mendatar sejak kebelakangan ini.
2. Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Mohd Faizal Abdul Manap **menafikan** dakwaan bahawa anggota perubatan berpakaian PPE ada membawa seorang warga emas berkerusi roda yang positif COVID-19 di Wisma Sentosa di Kuala Pilah. Beliau **menegaskan** sehingga kini tiada kes terbaharu positif COVID-19 di Kuala Pilah dan **menjelaskan** warga emas yang dimaksudkan merupakan pesakit biasa yang mendapat rawatan di Hospital Tunku Ampuan Najihah, Kuala Pilah.

